

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN YANG KE-13**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH**  
**(LENGGONG)**  
**TARIKH : 28 OKTOBER 2015 (RABU)**  
**NO. SOALAN : 29**

**SOALAN : Minta Perdana Menteri** menyatakan langkah mengekalkan perpaduan rakyat dalam negara ini. Apakah kerajaan bersedia mengubah atau meminda beberapa polisi agar perpaduan rakyat dapat dipelihara.

**JAWAPAN :**

**Yang Di Pertua,**

Sejak merdeka lagi, kerajaan telah, sedang akan terus memupuk semangat perpaduan dalam memakmurkan negara kita. Pelbagai dasar telah dijalankan untuk mencapai proses perpaduan ini. Tanpa perpaduan, kemajuan negara yang ingin dicapai untuk Wawasan 2020 tidak mungkin akan menjadi kenyataan kerana kerjasama semua pihak diperlukan untuk menjana kemajuan, kesejahteraan dan keharmonian Negara

**Tan Sri Yang DiPertua,**

Kerajaan menggunakan pendekatan **mendampingi dan mendidik** dengan izin "**engage and educate**" merupakan mekanisme yang sentiasa diketengahkan bertujuan untuk mengekalkan perpaduan rakyat. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- a) Mempergiatkan lagi persefahaman di kalangan penganut agama melalui **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA)** yang terdiri daripada wakil pemimpin Islam dan bukan Islam dengan mengadakan program seperti Perbincangan Meja Bulat (RTD), Dialog Keagamaan dan lain-lain.
- b) Memperkasakan **Program Skwad *Uniti*** yang akan menjadi perantaraan dan jambatan penghubung di antara agensi-agensi kerajaan dengan masyarakat yang akan terus mengukuhkan lagi semangat perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum.
- c) Memantapkan **Program Sayangi Komuniti** dengan memberi penekanan kepada aspek keselamatan, kebersihan, keselesaan, pendidikan, kesejahteraan dan semangat perpaduan di kawasan kediaman terutama di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

- d) Menggalakkan penyertaan aktif belia di dalam **siri wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum** bagi percambahan idea untuk meningkatkan kefahaman mengenai inti pati Rukun Negara, Kontrak Sosial dan Perlembagaan Persekutuan.
- e) Menyebarluas pendidikan perdamaian di kalangan ahli-ahli masyarakat sebagai **Mediator Komuniti** agar melakukan pencelahan atau intervensi konflik antara dua pihak di dalam masyarakat untuk menyelesaikan konflik di peringkat komuniti.
- f) Meningkatkan penghayatan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara melalui program **MyRukun Negara** sebagai asas perpaduan nasional diperkenalkan di peringkat sekolah rendah, menengah serta **Sekretariat Rukun Negara** di peringkat IPTA dan IPTS juga.
- g) Menjalankan kajian bersama Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM sebagai usaha mengukuhkan hubungan antara etnik untuk memelihara keharmonian masyarakat dan Negara.

Antara program / aktiviti inovasi baru yang diperkenalkan sebagai *The Way Forward* ialah:

- a) Melaksanakan tindakan-tindakan yang telah digariskan di bawah **Pelan Tindakan Perpaduan Negara** oleh semua agensi Kerajaan yang berkenaan ke arah perpaduan nasional dan kesepaduan rakyat Malaysia.
- b) **Melaksanakan Program latihan industri perpaduan atau *Unity Internship Programme***. Program ini bertujuan untuk menangkis persepsi bahawa syarikat-syarikat bukan bumiputera hanya mengambil pekerja yang terdiri daripada kelompok kaum tertentu sahaja. Objektif kedua program latihan industri perpaduan dijalankan sebagai kaedah menggalakkan silang kerjaya untuk pengukuhan perpaduan dan penggalakan silang budaya atau dengan izin, ***cross-cultural***, pemahaman antara agama, ***inter-faith*** dan penerimaan antara kaum atau ***inter-race***.
- c) Memantapkan perpaduan melalui program informasi yang disampaikan melalui tema dan mesej perpaduan iaitu, ***"Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian"***.
- d) **Mendampingi rakan-rakan Perpaduan atau *partners in unity*** untuk mengukuhkan jaringan sosial dengan pertubuhan persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan/NGO untuk menyebarkan mesej perpaduan.

Keberkesanan pelaksanaan sesuatu polisi bergantung kepada mekanisme komunikasi dan sejauhmana penerimaan masyarakat terhadap polisi tersebut. Tahap kefahaman dan penerimaan masyarakat yang akan memperkukuhkan lagi keberkesanan sesuatu polisi.

Kerajaan tidak sewenang-wenangnya mengubah sesuatu polisi sebaliknya sentiasa melakukan pemantauan dan pengauditan ke atas pelaksanaan sesuatu polisi agar polisi tersebut menyumbang kepada kesejahteraan rakyat. Walaubagaimanapun, jika sesuatu polisi yang dikenalpasti tidak lagi relevan dan "outdated", Kerajaan bersedia mendengar pandangan dan syor untuk menyemak dan memperbaiki kelemahan agar kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
[PASIR PUTEH]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2015 (RABU)**

**SOALAN : 30**

**Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai projek-projek Kerajaan di kawasan Tok Bali, Pasir Puteh Kelantan. Bilakah Kerajaan akan mengangkat taraf kedudukan pelabuhan Tok Bali daripada pelabuhan '*supply-base*' kepada pelabuhan yang menguruskan perusahaan import dan eksport.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat sebanyak 41 projek Kerajaan yang telah siap dan sedang dilaksanakan di mana sebanyak 32 projek telah siap sepenuhnya, 4 projek dahulu jadual dan 5 projek ikut jadual. Projek-projek tersebut antaranya termasuklah pembinaan sekolah, pejabat Kerajaan, pembaikan jalan, penyediaan fasiliti sukan, penambahbaikan kemudahan penternakan dan pertanian dan lain-lain projek.

Kemudahan infrastruktur bagi *supply base* adalah berbeza dengan kemudahan infrastruktur pelabuhan. Tambahan pula, *supply base* Tok Bali baru sahaja beroperasi pada bulan April 2015. Sehubungan itu, Kerajaan tiada perancangan untuk menjadikan *supply base* di Tok Bali kepada pelabuhan komersial.